

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI
ANNUAR BIN HAJI MUSA [KETEREH]**

TARIKH : 11 JULAI 2019

SOALAN

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan penjelasan terperinci dakwaan nama negara masih lagi berada dalam senarai menyertai Statut Rom meskipun telah sebulan Kabinet memutuskan menarik diri daripada statut tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Ketereh atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Sepertimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, Jemaah Menteri telah membuat keputusan untuk Malaysia menarik balik penyertaan negara ke Statut Rome pada 5 April 2019.

3. Sejurus selepas pengumuman YAB Perdana Menteri, Kementerian telah menghubungi pejabat Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk mendapat maklumat tentang proses yang perlu diambil bagi sesebuah negara menarik diri daripada menyertai Statut Rome.

4. Memandangkan perkara seperti ini merupakan pertama kali sesebuah negara menarik balik penyertaannya dari sesebuah triti antarabangsa sebelum triti tersebut berkuatkuasa secara rasmi, pejabat Setiausaha Agung PBB perlu menyelidik dan membincangkan perkara ini dengan lebih mendalam dengan Pejabat Perundangan PBB (*United Nations Office of Legal Affairs – OLA*) serta Kaunselor Perundangan PBB untuk membolehkan mereka mengenal pasti kaedah terbaik untuk membuat demikian.

5. Setelah beberapa minggu membuat susulan tanpa menerima maklumbalas daripada PBB, Kementerian Luar Negeri telah mengambil keputusan untuk menarik balik penyertaannya ke Statut Rome dengan mengemukakan surat kepada Setiausaha Agung PBB pada 29 April 2019.

6. Pada 15 Mei 2019, Kementerian Luar Negeri telah menerima maklumbalas daripada PBB yang mengesahkan penarikan balik penyertaan Malaysia dari Statut Rome. Penarikan balik penyertaan Malaysia ke triti tersebut berkuatkuasa pada 29 April 2019, iaitu tarikh Kerajaan Malaysia mengemukakan surat penarikan balik penyertaan Malaysia ke Statut Rome Mahkamah Jenayah Antarabangsa kepada Setiausaha Agung PBB, selaku depository bagi triti tersebut.

7. Makluman mengenai pengesahan tersebut telah dimuatnaik di laman sesawang PBB pada awal pagi 16 Mei 2019 (waktu Malaysia). Sehubungan dengan ini, Malaysia telah dikeluarkan daripada senarai Negara Pihak kepada Statut Rome Mahkamah Jenayah Antarabangsa.

Sekian, terima kasih.